



## KEPIMPINAN ISLAM MENDEPANI MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

### [ISLAMIC LEADERSHIP FACES A PLURAL SOCIETY IN MALAYSIA]

SITI KHATIJAH YASIN<sup>1</sup>, FADZLI ADAM<sup>1</sup> MOHD RIDHUAN TEE ABDULLAH,<sup>1</sup> NIK FADHILAH  
NIK HIM<sup>1</sup>, SITI ROKIAH AB. RAHMAN<sup>1</sup> & NURHAZILAH MAMAT<sup>2</sup>

<sup>1\*</sup> Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Correspondent Email: sitikhatijah@yahoo.com

*Received: 1 April 2022*

*Accepted: 28 May 2022*

*Published: 30 Jun 2022*

**Abstrak:** Artikel ini akan membincangkan sejauh mana kepemimpinan menurut perspektif Islam dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Malaysia terkenal sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai etnik, agama dan bangsa serta keunikan ini akhirnya membentuk sebuah Keluarga Malaysia yang harmoni dan bersatu padu. Islam sendiri menitikberatkan nilai perpaduan dalam masyarakat sehingga ditekankan dalam al-Quran akan kepentingannya. Peranan pemimpin untuk membentuk masyarakat yang mempunyai nilai moral tinggi serta melahirkan modal insan yang berakhlak, progresif, ketinggian ilmu dan sebagainya. Kajian ini menggariskan tiga objektif utama iaitu kepemimpinan dalam perspektif Islam, peranan pemimpin dalam mewujudkan perpaduan kaum dan kepemimpinan Rasulullah SAW dalam Keluarga Malaysia. Kaedah yang digunakan dalam penulisan ini adalah analisis konseptual melalui analisis dokumen terhadap penulisan dan kajian lepas yang berkaitan dengan skop kajian ini. Hasil kajian menunjukkan karakter kepemimpinan penting untuk membawa masyarakat ke arah yang lebih produktif serta mampu menjadikan negara Malaysia mencapai perpaduan secara holistik. Agenda utama adalah membina sebuah negara yang melahirkan pemimpin berwibawa serta memupuk potensi untuk kemakmuran semua demi Keluarga Malaysia.

**Kata kunci:** Kepimpinan Islam, Masyarakat Majmuk, Perpaduan Kaum, Kepimpinan Rasulullah

**Abstract:** This article will discuss the extent of leadership according to the Islamic perspective in the plural society in Malaysia. Malaysia is known as a nation of various ethnicities, religions and races and this uniqueness has finally formed a harmonious and united Keluarga Malaysia. Islam itself emphasizes the value of unity in the community so that it is emphasized in the Quran its importance. The role of leaders to form a society with high moral values as well as to produce human capital that is moral, progressive, the height of knowledge and so on. This study outlines three main objectives which are leadership in the Islamic perspective, the role of leaders in creating racial unity and the leadership of the Prophet in the perception of Keluarga Malaysia. The method used in this writing is conceptual analysis through document analysis of past writings and studies related to the scope of this study. The results show that leadership character is important to lead society in a more productive direction and to make Malaysia achieve unity holistically. The main agenda is to build a country that produces competent leaders and fosters the potential for prosperity for the sake of Keluarga Malaysia.

**Keywords:** Islamic Leadership, Plural Society, Racial Unity, Leadership of the Prophet

**Cite This Article:**

Siti Khatijah Yasin, Fadzli Adam, Mohd Ridhuan Tee Abdullah, Nik Fadhilah Nik Him, Siti Rokiah Ab. Rahman & Nurhazilah Mamat. 2022. Kepimpinan Islam Mendepani Masyarakat Majmuk di Malaysia [Islamic Leadership Faces a Plural Society in Malaysia]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(2), 14-27.

## **PENGENALAN**

Malaysia merupakan sebuah negara komposisi masyarakat majmuk yang terdiri pelbagai suku kaum dan menurut Jabatan Perangkaan Malaysia 2022 jumlah penduduk Malaysia dianggarkan seramai 32.7 juta. Peratusan penduduk mengikut etnik menunjukkan bumiputera Melayu 69.9 peratus diikuti kaum Cina 22.8 peratus, kaum India 6.6 peratus dan lain-lain kaum 0.7 peratus. Namun begitu, kepelbagaian suku kaum ini telah mewarnai kehidupan masyarakat Malaysia dengan semarakkan hubungan kaum yang utuh demi mencapai keharmonian keluarga Malaysia.

Manusia secara fitrahnya dijadikan Allah dalam kelompok, bentuk dan budaya yang berbeza-beza. Semua manusia mesti menerima serta menghormati kepelbagaian dan perbezaan yang wujud sebagai satu lumrah dan hukum alam yang sudah tercipta. Kepelbagaian dan perbezaan yang ada bukanlah faktor untuk berpecah-belah serta bermusuhan antara kaum malah diajar untuk saling faham memahami, hormat-menghormati, kenal-mengenal, bertolak ansur dan membantu antara satu sama lain agar kedamaian dan kemakmuran hidup bersama dapat dicapai.

Melahirkan sebuah negara yang membangun dan produktif semestinya ditunjangi oleh pemimpin yang hebat serta mempunyai modal insan yang tinggi iaitu berpengetahuan, kepakaran yang meluas, berkemahiran serta keperibadian yang tinggi. Kepimpinan Islam bukan sekadar dinilai dalam aspek fizikal semata-mata, malah keseimbangan aspek kerohanian yang mencakupi kesedaran sendiri iaitu hubungan dengan Allah dan Rasul, sesama manusia dan termasuk haiwan. Tanggungjawab pemimpin bagi memandu, melindungi, adil dan saksama tanpa mengira agama dan bangsa menurut lunas yang diredai Allah SWT. Malaysia mempunyai anutan agama dan bangsa yang pelbagai semestinya memberi sedikit cabaran kepada kepimpinan negara dalam mengemudi pentadbiran yang adil kepada semua kaum di Malaysia.

## **KEPIMPINAN DALAM PERSPEKTIF ISLAM**

Kepimpinan yang baik dan disenangi sentiasa menjadi impian dalam mana-mana institusi atau organisasi dalam masyarakat. Ia bermula daripada pemimpin yang mencorak kepimpinan dan seterusnya membawa mereka yang dipimpin bergerak ke arah hala tuju yang telah ditentukannya. Islam telah mensyariatkan soal kepimpinan dan sentiasa memberi ingatan serta amaran akan amanah yang perlu dilaksanakan oleh seorang pemimpin apabila dilantik daripada kalangan mereka. Sejarah Islam sendiri membuktikan contoh kepimpinan yang ditunjukkan oleh baginda Rasulullah SAW dan para sahabat yang sentiasa menjadi rujukan kita hingga kini (Ahmad Tarmizi, 2017). Kepimpinan Rasulullah merupakan contoh teladan terbaik dan ikutan sepanjang zaman.

Masyarakat Islam umumnya tertegak atas akidah dan melahirkan sistem kehidupan yang keseluruhannya berprinsipkan kepada agama Islam yang sempurna, iaitu berpandukan al-Quran, al-Hadith dan para ulama'. Sistem yang menyeluruh ini meliputi politik Islam, ekonomi, akhlak, pendidikan, kebudayaan, hiburan dan sebagainya. Namun begitu, kesemua sistem hidup ini perlu bermatlamatkan ke arah penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah SWT, tuhan sekalian alam. Syeikh Yusuf al-Qardawi (2002) mengatakan bahawa Islam adalah bersifat sebagai agama *manhaj* (sistem) dan Islam telah menyiapkan *manhaj* yang sempurna untuk mengatur dan menyusun kehidupan. Tugas pemimpin adalah menyempurnakan perintah agama dalam setiap aspek pentadbirannya iaitu berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Sepertimana Islam agama rasmi negara yang perlu diterima oleh semua kaum minoriti di Malaysia. Undang-undang Islam itu sendiri bersifat inklusif dan progresif yang sesuai dengan peredaran semasa iaitu menyantuni semua kaum iaitu golongan masyarakat Islam mahupun bukan Islam dan tidak sesekali memecahbelahkan keharmonian masyarakat majmuk yang ada dalam negara ini.

Islam telah menggariskan panduan kepada umatnya dalam segenap aspek pemikiran dan psikologi untuk menerima kehadiran agama lain dan menjalinkan hubungan baik sesama mereka. Al-Quran sendiri menjelaskan bahawa pengutusan Nabi Muhammad SAW kepada setiap umat Islam untuk mengajar dan memandu manusia ke jalan kebenaran serta menerima kehadiran agama lain tanpa membeza-bezakan antara satu sama lain (*Al-Imran* 3:34). Terbukti apabila al-Qur'an juga mengakui kewujudan kepelbagaian agama seperti dalam surah (*Al-Baqarah* 2:62).

Rahsia kejayaan pemimpin dan kesejahteraan negara menurut al-Quran telah banyak dijelaskan bagi menerangkan betapa pentingnya tugas seorang pemimpin dalam masyarakat. Menurut Shukeri Mohamad, Ahmad Najib & Mohamad Azrien (2012), rahsia kejayaan pertama adalah al-Quran sebagai pemimpin. Dalam suruh *al-Isra* ayat 71 membawa maksud setiap golongan akan dipanggi bersama dengan pemimpin pada hari kiamat. Pemimpin adalah orang yang diikuti ajarannya semasa di dunia seperti Nabi Muhammad. Maksud pemimpin itu ialah kitab al-Quran kerana ia juga memimpin manusia kepada kebenaran. Kedua ialah Allah, Rasul dan orang beriman adalah pemimpin dan penolong sepertimana dalam surah *al-Baqarah* ayat 257 yang sangat jelas bahawa Allah sendiri membimbing dan menunjukkan jalan yang benar dengan mengeluarkan orang beriman daripada kegelapan kufur dan kesesatan hidup kepada sinar keimanan.

Selain itu, memiliki sifat atau ciri yang unggul dan terbaik bagi mencapai matlamat sepertimana yang dikehendaki Allah sangat penting bagi pemimpin. Seruan Allah bagi pemimpin dipegang oleh yang soleh dan bertakwa iaitu memiliki ciri-ciri keimanan dan ketakwaan yang tinggi sebagaimana dijelaskan dalam surah *al-A'raf* ayat 128 dan surah *al-Anbiya* ayat 105. Menunaikan amanah dan tugas dengan sempurna juga merupakan rahsia kejayaan bagi seorang pemimpin. Allah menegaskan kepada para pemimpin supaya menjalankan tugas dengan amanah, adil, menunaikan perintah Allah, amar makruf dan nahi mungkar. Kesemua sifat yang dijelaskan bahawa pemimpin sangat perlu memiliki sifat demikian agar kepimpinan yang lahir adalah berdasarkan tuntutan agama.

## PERANAN PEMIMPIN DALAM MEWUJUDKAN PERPADUAN KAUM

Perpaduan negara telah menjadi salah satu daripada tema asas bagi pembangunan negara sejak kemerdekaan Tanah Melayu diikuti dengan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 (Denison Jayasuria, 2010). Rakyat Malaysia yang berbilang etnik begitu beriltizam ke arah memperkukuhkan semangat perpaduan dan integrasi kaum antara etnik dan wilayah (Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020). Pemimpin merupakan individu penting untuk pembangunan negara dan masyarakat sekaligus merealisasikan hasrat serta mendukung wawasan kemakmuran bersama. Malaysia tersenarai pada kedudukan ke-18 negara paling aman dunia berdasarkan Indeks Keamanan Global (GPI) 2022 yang menjadi ukuran utama kedamaian global di dunia. Keamanan yang digariskan ini diukur merangkumi tiga aspek iaitu tahap keselamatan masyarakat, tahap ketenteraan dan perkembangan konflik domestik dan antarabangsa. Ini menunjukkan negara Malaysia walaupun mempunyai kepelbagaian agama dan bangsa bukan menjadi sebab untuk tidak terus membangun sebaliknya kerjasama antara kaum dapat merancakkan lagi negara ke arah yang lebih maju dan produktif.

Melihat perpaduan kaum dalam konteks al-Quran satu keunikan yang Allah jadikan kepada masyarakat adalah dengan wujudnya masyarakat majmuk. Masyarakat majmuk bukan suatu yang asing bagi manusia malah ia adalah satu fitrah yang dijadikan oleh Allah SWT dan merupakan hakikat yang perlu diterima oleh semua manusia. Segala ajaran yang diaturkan oleh Allah kepada makhluknya supaya manusia saling kenal-mengenal antara mereka sekaligus wujud usaha-usaha untuk memuliakan insan. Allah telah menyatakan perkara ini dalam al-Quran: “Wahai manusia, sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku kaum supaya kamu saling kenal-mengenal antara satu sama lain. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal” (surah Al-Hujurat, 49: 13).

Huraian yang dijelaskan di atas menunjukkan kemajmukan masyarakat dalam sudut agama, bangsa dan peradaban sudah diakui dalam Islam. Jika diteliti definisi Islam itu sendiri mengajak manusia untuk mengamalkan keharmonian, kedamaian dan kesejahteraan bagi individu mahupun bermasyarakat. Maksud surah *al-hujurat* di atas menunjukkan Islam sentiasa membuka ruang interaksi secara damai dengan agama lain juga sebagai tanda rahmat Allah SWT kepada umat manusia. Selaras dengan konsep Keluarga Malaysia yang diketengahkan adalah untuk menghimpunkan kebersamaan rakyat dalam negara ini untuk lebih bersatu dalam merealisasikan matlamat dan aspirasi Keluarga Malaysia dalam mencapai kemakmuran dan kestabilan dalam aspek ekonomi, politik, pendidikan dan sosial.

Mendepani masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama, peranan pemimpin pasti sedikit mencabar dalam mengemudi negara supaya adil dalam pelaksanaan sesuatu perkara agar golongan minoriti tidak terkecuali. Menurut Hall dan Hord (2014), peranan pemimpin dijelaskan kepada enam bentuk tindakan iaitu menyelesaikan masalah, komunikasi berkesan, aplikasi teknologi terkini, fleksibiliti yang cukup, menggabungkan konsep lama dan baharu serta menjadi fasilitator perubahan. Kesemua elemen tersebut penting bagi seorang pemimpin agar diaplikasikan dalam kepimpinan mereka. Golongan minoriti tidak terasa terpinggir dan diketepikan dalam negara ini kerana peruntukan dalam perlembagaan negara sendiri telah tersedia iaitu memberi kebebasan dan jaminan untuk mengamalkan nilai dan agama masing-masing.

Jika membicarakan tentang kepemimpinan Islam, bukan hanya sekadar melihat dalam konteks ucapan pemimpin itu sahaja, namun personaliti pemimpin yang mempunyai kriteria kepemimpinan menurut al-Quran dan al-Sunah juga diutamakan. Sikap dan tingkah laku serta gaya kepemimpinan adalah ciri-ciri kepemimpinan yang perlu ada bagi seorang pemimpin (Shah, 2016). Kesemua elemen itu adalah pelengkap bagi seorang pemimpin dan sudah pasti kepemimpinan yang dibawa mampu memandu masyarakat yang berbilang kaum dan agama ini secara adil dan saksama. Jika pemimpin menjalankan tanggungjawab dengan baik dan disayangi oleh ahlinya, maka organisasi yang dibawa lebih lancar dan cekap (F, Ma et al., 2020).

Menurut Islam kepemimpinan berasaskan konsep khalifah bermaksud setiap manusia dijadikan sebagai pemimpin dan bertanggungjawab memimpin diri, keluarga dan ahli-ahli di bawahnya. Rasulullah sebagai khalifah yang bijaksana dan setelah kewafatan baginda, kepemimpinan *khulafah Ar Rasyidun* iaitu Saidina Abu Bakar, Saidina Umar, Saidina Usman dan Saidina Ali (Abbas & Tan, 2019) “Kamu semua adalah pemimpin dan akan ditanya tentang ahli yang dipimpinmu” (Hadis Riwayat Bukhari Muslim, 1528).

Sepertimana Piagam Madinah merupakan perlembagaan bertulis pertama diwujudkan oleh Nabi Muhammad SAW sebagai perlembagaan dan peraturan untuk mentadbir Madinah dan lambang penyatuan ummah tanpa mengira agama dan bangsa (Azyati, Wan Kamal, Azmi & Ermy (2013). Ini membuktikan bagaimana pada zaman baginda Nabi Muhammad SAW sendiri tidak mengetepikan kepelbagaian agama yang ada di Madinah pada ketika itu. Jelas menunjukkan bagaimana negara Malaysia tidak sesekali menindas golongan bukan Islam malah memberi keistimewaan bersama dalam melestarikan kehidupan mereka. Kepelbagaian agama dan bangsa ini sebenarnya menjadikan negara ke arah yang lebih lestari dan membentuk kesepaduan dalam pembangunan negara demi kelangsungan Keluarga Malaysia.

## **KEPIMPINAN RASULULLAH SAW DALAM PERSEPKTIF KELUARGA MALAYSIA**

Kepimpinan Islam yang digariskan dalam kajian ini semestinya menjadikan Rasulullah sebagai model pemerintahan kurun terbaik dalam sejarah Islam sehingga digelar ‘*qudwah hasanah*’ dalam kehidupan umat Islam pada ketika itu. Pemerintahan yang adil dan penuh berintegriti dalam pelaksanaan undang-undang serta menjamin keharmonian dan perpaduan antara agama diterapkan dalam kepemimpinan Rasulullah SAW. Rasul merupakan ikutan bagi seluruh umat manusia dan memandu manusia ke jalan kebenaran dan kewibawaan yang ditunjukkan oleh Rasulullah diperakui akan kebenarannya dan jelas sebagaimana firman Allah yang bermaksud: “Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik (surah Al-Ahzab, 33: 21).

Rasulullah selain sebagai seorang Rasul yang menyebarkan Islam kepada umatnya dengan membawa risalah Allah SWT, baginda juga pemimpin negara yang berkuasa dalam memerintah dengan menerapkan hukum-hukum Allah SWT yang telah diturunkan oleh Allah kepada baginda. Kepimpinan yang dibawa oleh Rasulullah SAW merupakan contoh teladan yang baik kepada masyarakat tidak kira dari sudut kepemimpinan keluarga, politik, masyarakat mahupun pentadbiran dan perkara ini sangat diperlukan dalam keharmonian Keluarga Malaysia yang dilaungkan dalam negara. Allah SWT telah berfirman: “Maka putuslah perkara

mereka menurut apa yang Allah turunkan dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka dengan meninggalkan kebenaran yang telah datang kepadanya...” (surah Al-Maidah, 5 :48)

Rasulullah SAW merupakan ketua negara Islam yang pertama di dunia dan pemerintahannya tertakluk kepada syariat Islam sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Allah SWT. Dalam al-Quran iaitu menegakkan hukum Allah, menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran, keadilan untuk semua, kebebasan dan ketelusan, membina perpaduan dan menjamin keamanan dan keharmonian. Kegemilangan pemerintahan yang ditunjukkan kepada umatnya menjadi teladan dan pengajaran yang amat penting untuk diadaptasikan dalam konsep Keluarga Malaysia.

Konsep Keluarga Malaysia merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum serta tiga teras utama iaitu keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran. Semua kaum dan agama disatukan di bawah konsep Keluarga Malaysia tanpa membezakan fahaman politik dan kesaksamaan ini mengikut Perlembagaan Malaysia dan Rukun Negara. Ini selaras dengan konsep Islam iaitu Islam amat menjunjung tinggi sifat toleransi kerana ini merupakan lambang kekuatan agama Islam, khadijah & Mohd Herzali (2008). Menurut Hakimah (2022) tiga rukun usrah yang perlu diterapkan dalam setiap Keluarga Malaysia bagi melahirkan kemakmuran negara iaitu *taaruf* (saling mengenali), *tafahum* (saling memahami) dan *takaful* (saling membantu). Ketiga-tiga elemen ini sangat penting dipraktikkan oleh semua lapisan masyarakat supaya lahirnya keluarga yang berada dalam rahmat Allah.

## KESIMPULAN

Islam menyediakan garis panduan yang lengkap dalam menghidupkan fungsi kepimpinan dan negara dengan baik. Al-Quran menjelaskan betapa pentingnya pemimpin yang mempunyai nilai moral yang baik serta ditunjukkan secara praktikal oleh Rasulullah SAW melalui amalan secara langsung. Implikasi yang diperolehi ini membawa kesan kejayaan dan kesejahteraan yang sangat hebat iaitu mengangkat kedudukan umat Islam sebagai umat terunggul. Konsep Keluarga Malaysia semestinya memberi semangat penting kepada semua kaum di Malaysia kerana semua lapisan masyarakat harus bertanggungjawab bagi memastikan negara stabil dan produktif. Melindungi fahaman agama, keselamatan, martabat dan memastikan semua ahli keluarga dijaga dan dipelihara kerana nilai Keluarga Malaysia sangat penting untuk dipelihara dan merealisasikan wawasan kemakmuran bersama perlu digapai menuju 2030.

## RUJUKAN

- Abbas, D., & Tan, C. (2019). Transformational Islamic Leadership: A Case Study from Singapore. *Global Perspectives on Teaching and Learning Paths in Islamic Education*, (August), 76–91. <https://doi.org/10.4018/978-1-5225-8528-2.ch005>
- Ahmad Tarmizi Zakaria. (2017). Metodologi Kepimpinan Menurut Al-Quran, *National Pre University Seminar 2017*, 23 Ogos 2017.
- Azyati Azhani Mohd Mazuki, Wan Kamal Mujani, Azmi Aziz & Ermy Azziaty Rozali. (2013). Aplikasi Konsep Wasatiyyah Dalam Pembentukan Piagam Madinah. *International Journal of West Asian Studies*. 5(2): 1-15.

- Denison Jayasuria. (2010). National unity advisory panel: Opportunities and challenge in a multi-ethnic society. *European Scientific Journal*, 288(4), 168-193.
- F, M., A, M., Wijokongko, D., & Al-Hafizd, M. (2020). Kategori Kepemimpinan dalam Islam. *Jurnal Edukasi Nonformal*, 1(1), 171-189. Retrieved from <https://ummaspul.ejournal.id/JENFOL/article/view/491>
- Hall, G. E. & Hord, S. M. 2014. *Implementing Change: Patterns, Principles and Potholes*. Edisi ke-4. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2022).
- Jabatan Perangkaan Malaysia 2006-2011. *Jumlah Penganut Agama*. Diakses pada (2015, Februari 12) daripada <http://www.statistics.gov.my/>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia 2013-2014. *Diakses pada (2020, April 2) daripada* <http://www.statistics.gov.my/>.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Mohd Herzali Mohd Haled. (2008). Toleransi: Beragama dan Amalannya Di Malaysia: Rujukan Kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia, *Jurnal Usuluddin*, 27: 81-92.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Mohd Herzali Mohd Haled. 2008. Toleransi: Beragama dan Amalannya Di Malaysia: Rujukan Kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia, *Jurnal Usuluddin*, 27, 81-92.
- Malaysia. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Kuala Lumpur: Unit Perancangan Ekonomi.
- Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020.
- Shah, S. (2016). *Education, Leadership and Islam, Theories, discourses and practices from an Islamic perspective*. New York: Routledge, Taylor & Francis Group.
- Shukeri Mohamad, Ahmad Najib & Mohamad Azrien. *Rahsia Kepimpinan Islam dan Kejayaan Negara Menurut Huraian al-Quran*. (2012). Proceeding: The 2<sup>nd</sup> Annual International Qur'anic Conference, 343-357.
- al-Qardawi, Yusuf. (2002). *Fiqh Kenegaraan, Angkatan Belia Islam Malaysia*. ABIM.